



Rujukan : UKM BEN/224/8 JLD. 12
Tarikh : 18 April 2018

PEKELILING BENDAHARI BIL. 5/2018

Pengetua
Kolej Kediaman Kampus Bangi
Universiti Kebangsaan Malaysia,

Y.Bhg. Datuk/ Tuan/ Puan,

PENGENAAN CAJ ELEKTRIK KOLEJ KEDIAMAN

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan pengenaan caj elektrik di semua kolej kediaman. Pelaksanaan ini merupakan pendekatan Universiti dalam penjimatan penggunaan tenaga elektrik. Untuk makluman, perbelanjaan bagi bil elektrik adalah tinggi dengan anggaran sebanyak RM 36 juta setahun.

2. Universiti sebelum ini mempunyai dua meter utama yang menjadi bacaan kepada caj elektrik induk. Kaedah ini menyebabkan penggunaan caj elektrik di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) tidak dapat dikenal pasti. Usaha ke arah penjimatan telah dilaksanakan melalui pemasangan *Digital Power Meter* (DPM) oleh Unit Pengurusan Tenaga , Prasarana-UKM (UPT) kepada semua kolej di Kampus Bangi untuk memastikan caj elektrik dibaca dengan tepat. Ini memudahkan pengesanan kos elektrik di PTj dibuat supaya perancangan dapat dibuat dengan lebih teliti.

3. Pengenaan caj elektrik akan dikenakan mulai **1 Januari 2018** dan Jabatan Bendahari akan membuat agihan peruntukan melalui **B23201** bertujuan menampung penggunaan caj elektrik. Sebarang pindahan peruntukan melalui kod ini adalah tidak dibenarkan. Kolej juga diminta untuk mengambil kira caj elektrik sebagai belanja operasi semasa penyediaan bajet operasi pada masa akan datang.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

4. Berikut disenaraikan garis panduan dan langkah-langkah dalam penjimatan elektrik:
 - 4.1. Melaraskan suhu bilik kepada 25°C. Bilik yang mempunyai suhu <25°C dianggap terlalu sejuk dan akan menyebabkan penggunaan tenaga yang tinggi bagi mencapai takat suhu rendah.
 - 4.2. Padamkan lampu dan penghawa dingin apabila tidak digunakan atau sekiranya keluar dari pejabat untuk tempoh yang lama.
 - 4.3. Memastikan elektrik ditutup pada waktu rehat dan selepas waktu pejabat.
 - 4.4. Memastikan tingkap dan pintu ditutup apabila menggunakan penghawa dingin.
 - 4.5. Memastikan komputer berada dalam keadaan *sleep mode* atau ditutup jika tidak digunakan dalam tempoh yang lama. Komputer dalam keadaan ini akan menggunakan tenaga elektrik yang lebih rendah. Penggunaan skrin komputer jenis *Liquid Crystal Display (LCD)* juga akan menggunakan tenaga elektrik yang lebih menjimatkan.
 - 4.6. Menggantikan lampu yang rosak kepada lampu jimat tenaga seperti *Compact Fluorescent Lamp (CFL)* dan *Light Emitting Diode (LED)*.
 - 4.7. Memastikan sistem seperti *chiller*, *cooling tower*, *pump*, *AHU* dan lain-lain dipasang mengikut kehendak beban semasa.
 - 4.8. Memeriksa ‘*timer*’ lampu koridor dan penghawa dingin setiap tiga bulan bagi memastikan tiada penggunaan di luar jangka waktu yang dikehendaki.
 - 4.9. Menggunakan barang elektrik yang mempunyai label seperti ‘Cekap Tenaga’ dan ‘*Energy Star*’.
 - 4.10. Mengadakan kempen penjimatan elektrik di sekitar kolej melalui pengedaran risalah atau poster bagi meningkatkan kesedaran semua warga penghuni.
 - 4.11. Memastikan suis dan plag tidak dipasang sekiranya peralatan tidak digunakan bagi mengelakkan pengaliran tenaga elektrik.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
 Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

5. Pihak kolej diminta memantau dan memastikan langkah-langkah yang disenaraikan dipatuhi. Selain itu, pihak UPT juga akan menjalankan pemantauan penggunaan caj elektrik dan membuat pengesyoran dalam mencapai sumber guna tenaga yang optimum dari semasa ke semasa.
6. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Datuk/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan.

Sekian, terima kasih.


"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,



MOKSHIN BIN H.J. TUMIN
Pengurusan Kewangan Kanan
Menjalankan Tugas Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pengarah Eksekutif Pentadbiran, UKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>